

**Pusat Perhubungan Pelanggan** **Tel** Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan **Talian Utama** +603 2268 3333 **Emel** customer@amassurance.com.my**LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Skim Pampasan Pekerja Asing**

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi skim Pampasan Pekerja Asing. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.**

- 1. Apakah produk ini?**  
Majikan yang mengambil pekerja asing mestilah mematuhi syarat-syarat berkanun di bawah Seksyen 26(2) Akta Pampasan Pekerja 1952 (Pindaan) untuk membeli perlindungan insurans ini bagi melindungi pekerja asing mereka.
- 2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?**  
Polisi ini menanggung rugi di bawah Akta berhubung dengan pampasan kecederaan semasa bekerja serta kecederaan selepas waktu kerja yang dialami oleh pekerja asing anda. Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Had Wilayah/Bidang Kuasa: Malaysia

**Seksyen 1: Pampasan Pekerja**

Skop perlindungan		Manfaat
i)	Kematian akibat kemalangan disebabkan kecederaan pekerjaan	Pendapatan 60 bulan atau RM18,000 yang mana lebih rendah Bayaran tambahan sebanyak RM7,000 sekiranya berlaku kematian yang timbul daripada dan semasa menjalankan pekerjaan.
ii)	Hilang Upaya Kekal Menyeluruh	Pendapatan 60 bulan atau RM23,000 yang mana lebih rendah.
iii)	Kehilangan Upaya Kekal Separa	Sejumlah wang berdasarkan jumlah modal sebanyak RM23,000 yang dikira selaras dengan Jadual Pertama Akta Pampasan Pekerja
iv)	Hilang Upaya Menyeluruh / Separa Sementara	Jumlah wang dikira selaras dengan Seksyen 8(e) Akta Pampasan Pekerja
v)	Perbelanjaan Kemasukan Ke Hospital dan Perubatan	Bayaran mengikut peruntukan Akta Pampasan Pekerja tertakluk kepada maksimum RM750.
vi)	Penyakit akibat Pekerjaan	Mengikut Jadual Kedua Akta Pampasan Pekerja.
Nota : Pampasan tidak akan dibayar bagi tempoh 4 hari pertama hilang upaya melainkan hilang upaya tersebut berlangsung bagi tempoh sekurang-kurangnya 14 hari.		

**Seksyen 2: Perbelanjaan Penghantaran Pulang**

Seksyen ini akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan bagi perbelanjaan sebenar penghantaran pulang yang ditanggung atau RM4,800 yang mana lebih rendah sekiranya pekerja yang diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal menyeluruh.

**Seksyen 3: Insurans Kemalangan Diri**

(Kecederaan Diri Akibat Kemalangan yang berlaku Di Luar Waktu Kerja)

Seksyen ini akan membayar pekerja yang diinsuranskan atau wakilnya yang sah bagi kecederaan diri akibat kemalangan yang berlaku di luar waktu bekerja bagi pekerja yang diinsuranskan yang berlaku di Malaysia.

Skop perlindungan		Manfaat
i)	Kematian Akibat Kemalangan (berlaku dalam tempoh 12 bulan dari masa kemalangan)	Jumlah pampasan sebanyak RM23,000
ii)	Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (berlaku dalam tempoh 12 bulan dari masa kemalangan)	Jumlah pampasan maksimum sebanyak RM23,000
iii)	Hilang Upaya Kekal Separa	Berdasarkan RM23,000 yang dikira selaras dengan Jadual Pertama Akta Pampasan Pekerja
iv)	Hilang Upaya Sementara	Jumlah wang / pampasan dikira selaras dengan Seksyen 8(e) Akta Pampasan Pekerja
v)	Perbelanjaan Perubatan	Bayaran mengikut peruntukan Akta Pampasan Pekerja tertakluk kepada maksimum RM750.

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Kerajaan telah menetapkan RM76.32 bagi setiap pekerja di mana RM71.02 adalah premium insurans manakala RM5.30 sebagai yuran perkhidmatan dalam talian (SPPA) untuk setiap pekerja. Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada bilangan pekerja asing.

Bil. pekerja X RM76.32 : -----  
Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar adalah : -----

*Nota: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 6% Cukai Perkhidmatan.*

**4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

Keperluan membuat Pendedahan

- (i) MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penajagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai
- (ii) Anda mestilah mendedahkan semua fakta material sepenuhnya dan sejujurnya, jika tidak polisi anda mungkin menjadi tidak sah.
- (iii) Anda mestilah memastikan agar segala butiran mengenai pekerja asing anda dilengkapkan sepenuhnya dan dengan betul.
- (iv) Polisi anda adalah tertakluk kepada waranti premium – premium insurans mestilah dibayar dan diterima oleh AmGeneral/ ejen yang sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka polisi ini secara automatik adalah terbatal dan kami adalah berhak kepada premium pro-rata sepanjang tempoh kami menanggung risiko.

**6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Liabiliti 'common law'
- Peperangan, keganasan dan perang saudara
- Tindakan menyalahi undang-undang, bunuh diri dan kecederaan diri sendiri yang disengajakan
- Membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat melainkan sebagai penumpang berbayar dalam pesawat komersial berlesen mengikut laluan yang dijadualkan
- Pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berdaftar
- Aktiviti sukan berbahaya seperti mendaki gunung, menyelam, perlumbaan motor, dan lain-lain

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis dan sebab-sebab pembatalan adalah mengikut piawai yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Buruh kepada kami. Selepas pembatalan, anda adalah berhak mendapat bayaran balik premium tolak premium berdasarkan kadar jangka pendek kami bagi tempoh polisi yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium kasar minimum RM35.00 oleh pihak kami.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmGeneral Insurance Berhad**  
**Pusat Khidmat Pelanggan**

Menara Shell  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 1-300-80-3030  
Faks : +603-2268 2222  
Email : [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Laman Web : [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

**10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada:-**

Sila rujuk kepada laman web kami di [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01 September 2018.